

5 Jun 2017

Kepada Badan Atau Orang Perseorangan Yang Berkepentingan,

Jemputan Untuk Membuat Ulasan Berkenaan Dengan Penilaian Utama Persijilan RSPO Bagi Genting Plantations Berhad, Ladang Kelapa Sawit Genting Bukit Sembilan – Kuala Ketil, Kedah, Malaysia

Genting Plantations Berhad (RSPO Membership No: 1-0086-06-000-00) telah melantik BSI untuk melaksanakan penilaian utama persijilan RSPO untuk Ladang Kelapa Sawit Genting Bukit Sembilan. Penilaian akan dilaksanakan ke atas sebuah ladang kelapa sawit yang diuruskan oleh Genting Plantation (WM) Sdn Bhd. Kilang kelapa sawit tersebut terletak di Kuala Ketil, Kedah, Malaysia.

BSI merancang untuk melakukan penilaian persijilan utama Ladang Kelapa Sawit Genting Bukit Sembilan pada 13 Julai 2017. Penilaian utama akan diadakan menurut Interpretasi Nasional Malaysia RSPO P&C MYNI 2014. Penilaian akan merangkumi isu-isu undang-undang, alam sekitar, ekonomi, keselamatan dan kesihatan pekerja dan isu-isu sosial sepertimana yang diperlukan oleh penilaian RSPO P&C.

Berikut adalah keterangan dan butiran unit persijilan:

Ladang Kelapa Sawit Genting Bukit Sembilan	
Lokasi	Kuala Ketil, Kedah, Malaysia
Alamat	Ladang Kelapa Sawit Genting Bukit Sembilan 09300 Kuala Ketil, Kedah, Malaysia
Rujukan GPS	100° 41' 9.57" E ; 5° 34' 35.04" N
Pengeluaran FFB (Anggaran 2017) (MT)	27,838 mt

Ladang	Rujukan GPS	Kawasan Matang (Ha)	Kawasan Belum Matang (Ha)	Jumlah Kawasan Keseluruhan (Ha)	Anggaran Pengeluaran FFB untuk Tahun 2017 (MT)
Genting Bukit Sembilan	100° 41' 9.57" E ; 5° 34' 35.04" N	1,211.44	10.87	1,268.10	27,838

BSI adalah pembekal penilaian dan pensijilan sistem pengurusan global terkemuka, dengan lebih dari 60,000 lokasi yang diiktiraf dan pelanggan di lebih dari 100 buah negara. Piawaian BSI adalah sebuah Badan Piawaian Kebangsaan United Kingdom. BSI Group adalah pembekal pensijilan pihak ketiga yang bebas yang telah mempunyai akreditasi untuk persijilan RSPO melalui pejabat di Malaysia dan pejabat urusan di Indonesia, Singapura, Thailand dan Australia.

Pasukan audit dari BSI yang akan melaksanakan audit penilaian utama di Ladang Kelapa Sawit Genting Bukit Sembilan daripada:

En. Hoo Boon Han sebagai Ketua Juruaudit (Keselamatan dan Kesihatan Pekerja, Aspek Undang-Undang dan Alam Sekitar); **En. Mohd Hafiz Mat Hussain** sebagai Juruaudit (Amalan Pertanian Terbaik di Ladang Kelapa Sawit, Aspek undang-undang, HCV dan Sosial); **Cik Hu Ning Shing** sebagai juruaudit (Aspek Undang-Undang, Sosial dan Temuduga Stakeholder dalaman dan luaran).

Sebagai persediaan untuk proses penilaian ini, mana-mana badan atau orang perseorangan yang berkepentingan adalah dijemput untuk memberikan sebarang ulasan/komen secara bertulis mengenai penilaian berkaitan dengan aspek alam sekitar atau sosial yang difikirkan berkaitan.

Topik-topik yang mungkin hendak dibincangkan adalah seperti berikut:

- Perlindungan alamsekitar
- Penjagaan 'Biodiversity'
- Peluang-peluang pekerjaan
- Pendekatan pihak syarikat dalam kemajuan komuniti
- Perhubungan anda dengan pihak syarikat
- Penyertaan dalam proses membuat keputusan
- 'Free, prior and informed consent' (FPIC)
- Cadangan-cadangan penambahbaikan

Komen-komen yang akan dipertimbangkan di dalam pengauditan ini hendaklah diterima dalam masa 30 hari daripada tarikh surat ini. Sila lengkapkan butiran seperti berikut supaya anda dapat dihubungi apabila terdapat sebarang kekeliruan pada isu-isu yang dibangkitkan.

Nama:
Alamat:
Email:
Nombor Telefon:
Nombor Faks:

Jika komen-komen yang anda hendak ajukan itu berbentuk sulit dan rahsia atau tidak ingin diketahui penamanya, sila nyatakan "SULIT" dan hantarkan kepada:

Pengurus Skim RSPO

Mr. Nicholas Cheong
BSI Services Malaysia Sdn Bhd
Unit 10-03, Level 10, Tower A
The Vertical Business Suites
Bangsar South, No. 8, Jalan Kerinchi
59200 Kuala Lumpur Malaysia
Fax : +603-2242 4218
Email : Nicholas.Cheong@bsigroup.com

DAN/ATAU**Auditee:**

Mr. Chew Jit Seng
Vice President Sustainability
Genting Plantations Berhad
3rd Floor, Wisma Genting
Jalan Sultan Ismail
50250 Kuala Lumpur, Malaysia
Fax : +603-2333 6575
Email : jitseng.chew@genting.com

Terima kasih di atas maklumbalas yang diberikan.

Yang benar,



.....
Nicholas Cheong
Pengurus Skim RSPO